

BMF: PM akan buat pengumuman

Bahan asal dari Akhbar
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis
Kertas putih mengenai soal Bumiputra Malaysia Finance Berhad (BMF) mungkin dikeluarkan sama seperti kertas putih ke atas Bank Rakyat.

Ini bermakna, peraturan dan bentuk penyiasatan yang dijalankan ke atas soal BMF mungkin sama seperti penyelesaian soal Bank Rakyat itu, kata sumber-sumber Bank Bumiputra / Malaysia Berhad (BBMB), hari ini.

Perdana Menteri, Dato Sri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan bahawa kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk mengeluarkan kertas putih mengenai soal BMF yang membabitkan pinjaman \$1,700 juta kepada syarikat harta di Hongkong.

Sumber-sumber itu berkata, kerana soal BMF itu kini menjadi soal politik, kerajaan dipercayai tidak dapat menolak kemungki-

nan mengeluarkan kertas putih itu.

Katanya, soal itu hebat diperkatakan oleh golongan tertentu hingga ke saat ini dan dihangatkan lagi dalam kempen pilihanraya yang berjalan sekarang.

Adalah difahamkan kerajaan akan mengumumkan mengenai kertas putih itu tidak lama lagi.

Penyelesaian

Dato Sri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan membuat pengumuman itu untuk memenuhi desakan rakyat supaya penyelesaian segera dijalankan mengenai soal itu.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Encik Anwar Ibrahim telahpun mendesak kerajaan supaya segera mengeluarkan kertas putih itu dan mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang terbahit.

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

Beberapa pertubuhan politik dan bukan politik yang lain juga mahukan kerajaan bertindak tegas untuk mengatasi masalah itu.

Sumber-sumber itu, bagaimanapun menjelaskan, pihak Bank, setakat ini, tidak pernah dihubungi oleh mana-mana pihak untuk mendapatkan sebarang maklumat, untuk dijadikan asas kemungkinan kerajaan mengeluarkan kertas putih itu.

"Setakat ini, kami tidak tahu sama ada kertas putih itu akan dibentangkan atau tidak kerana kami tidak diberitahu mengenai," kata sumber-sumber BBMB, hari ini.

Tetapi, beliau tidak menolak kemungkinan bahawa perkara itu hanya dibincangkan oleh pihak kerajaan.

Sumber-sumber itu berkata, ketika ini, langkah-langkah telah diambil untuk memperbaiki pentadbiran dalam BBMB dan BMF, anak syarikatnya itu.

Gerakan peringkat pertama ialah merombak Lembaga Pengarah BMF dengan perantikan pengerusi baru dan beberapa muka baru dalam Lembaga Pengarah yang diperbesar.

Juga dilaporkan sebelumnya, bahawa sebuah badan pengawas pinjaman telah ditubuhkan untuk memastikan setiap pinjaman yang diberi tidak keterlaluan dan mengikut peraturan yang ditentukan.